

10 JUL 2002

YANG DI-PERTUAN AGONG UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA MONGOLIA

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail mengutuskan ucapan tahniah kepada Presiden Mongolia Natsagiin Bagabandi sempena sambutan Hari Kemerdekaan negara berkenaan pada Khamis.

"Pada sambutan Hari Kebangsaan Mongolia ini, Raja Permaisuri Agong menyertai kami dalam menghulurkan ucapan ikhlas dan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama, kerajaan dan rakyat Mongolia," titah Seri Paduka dalam perutusan yang dikeluarkan kepada media oleh Wisma Putra di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya di Mongolia Nambar Enkhbayar berkata beliau gembira melihat hubungan antara Malaysia dan Mongolia semakin meningkat serta wujudnya persefahaman yang lebih baik antara kedua-dua negara serta rakyat.

"Saya berharap dapat bekerjasama dengan anda untuk terus mempereratkan hubungan sedia ada demi manfaat rakyat kita dalam tahun-tahun akan datang," kata beliau.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, dalam perutusannya kepada Menteri Luar Mongolia Luvsan Erdenechuluun berkata beliau berharap untuk bekerja lebih rapat dalam memperkuatkan hubungan mesra dan akrab antara kedua-dua negara, terutama dalam kerjasama di bidang ekonomi, perdagangan dan teknikal pada masa akan datang.

-- BERNAMA

MUN AFY ROS RON